

# DECAN TABLET

Dexamethasone (0.75mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DECAN TABLET
2. Bagaimana DECAN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan DECAN TABLET
4. Cara menggunakan DECAN TABLET
5. Semasa menggunakan DECAN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DECAN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DECAN TABLET

DECAN TABLET digunakan untuk pelbagai penyakit yang melibatkan keradangan dalam badan seperti rheumatisme akut, *rheumatoid arthritis*, *acute gouty arthritis*, asma, penyakit serum (reaksi alahan), *diffusum lupus erythematosus* (penyakit autoimun), *nodular arthritis*, *pemphigus*, *bursitis*, *myositis*, *fibromyositis*, dan keradangan yang berkaitan dengan mata.

## Bagaimana DECAN TABLET berfungsi

DECAN TABLET boleh mengurangkan atau mengelakkan tindak balas tisu dalam badan terhadap inflamasi, sekali gus mengurangkan simptom inflamasi tanpa menjejaskan punca asasnya.

## Sebelum menggunakan DECAN TABLET

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan DECAN TABLET jika:

- anda hipersensitif terhadap dexamethasone, atau bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- anda mempunyai osteoporosis (tulang rapuh dan lemah) dan penyakit mental seperti *psychoses* dan *psychoneurosis* melainkan menggunakannya dapat menyelamatkan nyawa.
- anda mempunyai jangkitan kulat sistemik.

### -Sebelum mula menggunakan DECAN TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- anda mempunyai kegagalan jantung kongestif, tekanan darah tinggi, kencing manis, kegagalan buah pinggang yang kronik dan uremia (pengekalan sisa buangan dalam aliran darah).
- anda adalah warga emas

- anda mempunyai jangkitan virus herpes simplex pada mata, masalah mental dan *gastric duodenal ulcer*.

### Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk doktor anda sebelum mula menggunakan DECAN TABLET jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menilai risiko anda menggunakan DECAN TABLET terhadap manfaat yang diharapkan terhadap anda dan bayi anda.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan DECAN TABLET bersama dengan ubat yang lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan DECAN TABLET

### -Berapa banyak harus digunakan

Dos yang biasa untuk orang dewasa adalah 0.75mg, 2 hingga 4 kali sehari. Dos harian boleh dikurangkan sebanyak 0.25 hingga 0.5mg selang setiap 4 hingga 5 hari sehingga dos minimum dicapai atau semua simptom telah hilang sepenuhnya.

### -Bila perlu digunakan

DECAN TABLET perlu diambil selepas makan dan pada waktu tidur atau pada waktu pagi dan malam

### -Berapa lama perlu digunakan

DECAN TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

## Semasa menggunakan DECAN TABLET

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

DECAN TABLET perlu diambil dengan berhati-hati untuk orang yang mempunyai jangkitan virus pada mata dan *gastric duodenal ulcer*.

Doktor anda akan mengurangkan dos atau berhenti menggunakan DECAN TABLET secara beransur-ansur untuk mengurangkan gejala penarikan.

Dexamethasone boleh menyembunyikan beberapa tanda-tanda jangkitan dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya. Ia juga mungkin merendahkan kadar rintangan dan ketidakupayaan untuk mengenalpasti jangkitan apabila dexamethasone digunakan.

## Kesan-kesan sampingan

DECAN TABLET mungkin akan menyebabkan penindasan fungsi pituitari-adrenal seperti gangguan cecair dan elektrolit, glukosa darah tinggi, peningkatan risiko jangkitan seperti batuk kering, ulser perut yang boleh menyebabkan pendarahan atau mengakibatkan lubang; osteoporosis dan gangguan tingkah laku.

Dexamethasone mungkin mengakibatkan demam, sakit pada otot, sakit pada sendi, dan *malaise* (merasakan sakit dan ketidakselesaan) sebagai sindrom pemberhentian. Pemberhentian secara tiba-tiba setelah penggunaan kortikosteroid secara berterusan boleh mengakibatkan *acute adrenal insufficiency* (kekurangan hormon dari kelenjar adrenal).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
DECAN TABLET**

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

DECAN TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih dengan huruf "S" pada satu permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Dexamethasone

-Bahan tidak aktif

Lactose

Microcrystalline Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

-Nombor MAL

MAL19940144A

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

18/02/2016

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)170216/00045